


## SLIDER FRONT



## SLIDER BACK



## SLIDER CUTTER GUIDE



SLIDER FRONT

SLIDER BACK

## SKALA GELONGSOR ASMA

### 1. Soalan untuk preskriber/dispenser kepada diri sendiri dan seseorang yang menghidapi asma

Dengan menggunakan panduan ini, berapa banyak *short-acting beta<sub>2</sub> agonists* (SABA) yang juga dikenali sebagai penyedut pelega/penyelamat/salbutamol/albuterol yang anda rasa wajar diambil oleh seseorang yang menghidapi asma dalam setahun, seminggu, atau sehari sebelum anda merasakan ia perlu disemak semula? Apa yang membuatkan anda memilih begitu?

peningkatan penggunaan SABA *												
Bilangan penyedut SABA setahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Sedutan SABA dalam setahun	200	400	600	800	1000	1200	1400	1600	1800	2000	2200	2400
Sedutan SABA dalam seminggu	4	8	12	15	19	23	27	31	35	39	42	46
Sedutan SABA dalam sehari	< 1	1	2	2	3	>3	4	>4	5	6	>6	7

gejala

\*Sesetengah penyedut pelega tidak mengandungi 200 sedutan. Sila semak jumlah sedutan pada alat yang dipreskripsi, diedar atau digunakan

**Cadangan:** Cuba tanya soalan 1 kepada seseorang yang menghidapi asma selepas menanyakan soalan\*\*\* ACT™\*\*: Dalam 4 minggu lepas, berapa kerapkah anda menggunakan penyedut pelega atau ubat nebulizer (seperti albuterol atau salbutamol): 3 kali atau lebih sehari / 1 atau 2 kali sehari / 2 atau 3 kali seminggu / Sekali seminggu atau kurang / Langsung tidak menggunakan

\*\* Asthma Control TestTM \*\*\* [https://getasthmahelp.org/documents/ACT\\_AdultEng.pdf](https://getasthmahelp.org/documents/ACT_AdultEng.pdf) Asthma Right Care Guidance Notes (Nota Panduan Penjagaan Betul Asma) boleh didapati di [www.iprcg.org/asthmarightcare](http://www.iprcg.org/asthmarightcare)






## SKALA GELONGSOR ASMA (Bahagian belakang: Tolak gelongsor ke kiri untuk memulakan)

### 2. Soalan untuk ditanya oleh preskriber kepada diri sendiri dan seseorang yang menghidapi asma:

Berpandukan jawapan anda kepada Soalan 1, dengan menggunakan skala nombor 0–10 di bawah, tolak ke nombor yang mencerminkan:

- Kepentingan untuk anda berbincang perkara ini atau merujuk doktor? Mengapa anda memilih [nombor]? Apa yang boleh membuatkan anda memilih nombor yang lebih besar [contohnya 8]?
- Sejauh mana anda yakin untuk berbincang mengenai pengurangan dos? Mengapa anda memilih [nombor]? Apa yang boleh membuatkan anda memilih nombor yang lebih besar [contohnya 8]?



Demi keselamatan, *Global Strategy for Asthma Management and Prevention 2023* (Strategi Global untuk Pengurusan dan Pencegahan Asma 2023) ([www.ginasthma.org](http://www.ginasthma.org)) tidak mengesyorkan rawatan asma pada orang dewasa, remaja, dan kanak-kanak berumur 6–11 tahun dengan ubat *short-acting beta<sub>2</sub> agonists* (SABA) sahaja. Sebaliknya, mereka harus menerima rawatan yang mengandungi penyedut yang mengandungi steroid untuk mengurangkan risiko mereka terhadap serangan asma yang serius dan mengawal gejala asma. Terdapat bukti kukuh bahawa rawatan SABA sahaja, walaupun memberikan kelegaan jangka pendek terhadap gejala asma, tidak melindungi pesakit daripada serangan asma yang teruk, dan penggunaan SABA secara berterusan atau kerap meningkatkan risiko serangan asma.

Direka cipta oleh IPCRG [www.ipcrg.org/aboutus](http://www.ipcrg.org/aboutus)

IPCRG telah menerima pembiayaan daripada AstraZeneca untuk menbangunkan Inisiatif Asthma Right Care

Dikemas kini Jun 2023



# SLIDE RULE CUTTER GUIDE